

Bil. S 58

**AKTA IMIGRESEN
(PENGAL 17)**

KENYATAAN POS KAWALAN IMIGRESEN, 2003

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh cerai-ceraian (1) dan (2) bab 5 dari Akta Imigresen, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Kenyataan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Kenyataan ini boleh digelar sebagai Kenyataan Pos Kawalan Imigresen, 2003 dan hendaklah dianggap mula berjalan kuatkuasanya 1 haribulan Disember, 2003.

Pengisytiharan di bawah bab 5.

2. Pos kawalan imigresen di Pos Kawalan Putat, Lumapas adalah diisytiharkan sebagai pos kawalan imigresen dan tempat masuk yang dibenarkan dan sebagai tempat bertolak yang dibenarkan atau tempat pemergian yang dibenarkan, mengikut mana yang berkenaan, bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 4 haribulan Disember, 2003.

**DATO PADUKA AWANG HAJI ADANAN BIN
BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA HAJI MOHD. YUSOF**
Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.